

15/12/1997

DPMK batal dua lawatan

ALOR STAR, Ahad - Dewan Perniagaan Melayu Kedah (DPMK) membatalkan dua lawatan perdagangan ke Asia Barat dan Taiwan bagi menjimatkan perbelanjaan sejajar langkah berjimat-cermat yang dilaksanakan kerajaan.

Lawatan perdagangan itu yang dijadualkan pada akhir bulan ini membabitkan kira-kira 40 usahawan Bumiputera bertujuan meneroka peluang pelaburan di beberapa negara Asia Barat seperti Jordan, Arab Saudi dan Iran.

Yang Dipertuanya, Baharuddin Kassim berkata, langkah berkenaan sejajar seruan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua pihak di negara ini berbelanja secara berhemat berikutan masalah ekonomi negara.

"Sebaliknya, DPMK menggalakkan usahawan meningkatkan perdagangan dalam negara dengan menggunakan pelbagai bahan tempatan sedia ada."

"Kami menyarankan semua usahawan yang bernaung di bawah persatuan ini meningkatkan pengeluaran dalam pelbagai sektor bagi memenuhi keperluan tempatan atau untuk dieksport," katanya kepada Berita Harian, ketika dihubungi, hari ini.

Baharuddin juga berkata, DPMK akan melipatgandakan usaha menambah pengeluaran bagi membantu masyarakat pengguna khususnya di negeri ini tidak menghadapi masalah mendapatkan barangan, terutama barangan makanan.

Menurutnya, meskipun kerajaan mengehadkan perbelanjaan, projek pembangunan infrastruktur di luar bandar tidak seharusnya diabaikan bagi memastikan mereka mampu turut menikmati pembangunan negara.

DPMK, katanya meminta kerajaan negeri tidak menangguhkan projek menambak laut sepanjang 100 kilometer pantai Kedah bertujuan membantu usahawan Bumiputera mendapatkan projek.

(END)